

Press Clipping

Zon Bebas Pelabuhan Klang dibuka Jun 2006

PETALING JAYA – Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), sebuah zon industri dan komersial bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia dan di Asia Pasifik akan membuka pintunya kepada para pelabur menjelang Jun 2006.

Pengerusi PKFZ Sdn. Bhd., Loh Chew June berkata, projek seluas 404 hektar yang terletak bersebelahan Pelabuhan Barat di Pulau Indah akan menjadi pemangkin kepada kejayaan pertumbuhan ekonomi bukan sahaja di Pelabuhan Klang malah di seluruh kawasan pantai Selangor.

“Ia dibina mengikut model Zon Bebas Jebel Ali di Dubai dan direkabentuk serta diuruskan oleh Lembaga Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA International).

“JAFZA International dipilih kerana mempunyai 20 tahun pengalaman di dalam mengendalikan pelabuhan dan pengurusan zon bebas serta mempunyai rekod cemerlang di Maghribi dan Dubai,” katanya di sidang media mengenai perkembangan terkini PKFZ di sini semalam.

PKFZ menawarkan kawasan tapak industri untuk disewakan seluas 300 hektar, 512 unit industri ringan untuk kilang dan gudang, empat blok ruang pejabat setinggi lapan tingkat serta kemudahan-kemudahan komuniti seperti bank, pejabat pos, medan makan, kompleks letak kereta serta pejabat imigresen dan kastam.